

22 JUN 1996

Internet

JARINGERS RAYU PM CAMPUR TANGAN SELESAI MASALAH BAYARAN TINGGI

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Sekumpulan pengguna Internet yang memanggil diri mereka Jaringers, hari ini merayu supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan dan menyelesaikan rasa tidak puas hati akan pakej bayaran yang disediakan oleh Telekom Malaysia Berhad.

Jurucakap Jaringers Ahmad Tifli berkata, kadar bayaran yang membebaskan sekarang akan mengurangkan minat orang ramai menggunakan Internet dan ini akan menghalang matlamat kerajaan mewujudkan masyarakat kaya maklumat.

"Di sebaliknya, untuk mendapat keuntungan maksima, mereka menghalang hasrat Perdana Menteri ini dengan membantutkan pertumbuhan penggunaan Internet di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Semalam kumpulan Jaringers ini dan Telekom Malaysia mengadakan perbincangan akan kaedah alternatif iaitu bayar-bila-guna (kadar satu sen/satu minit). Pada 7 Jun mereka telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan pakej 1511 yang menyediakan laluan istimewa bagi pengguna Internet.

Ahmad berkata Telekom Malaysia tidak mahu mengubah sistem pakej 1511 itu kerana ianya telah diluluskan oleh Kabinet. Setakat ini, kira-kira 10,000 pendaftaran telah diterima untuk 1511 pakej itu.

Beliau berkata adalah menghairankan kenapa Telekom Malaysia menukar pendirian dan tidak mahu menerima cadangan Jaringers bagi kaedah bayar-bila-guna.

"Jaringers telah menunjukkan kepada Telekom Malaysia bagaimana kaedah ini boleh gunakan, tetapi hari ini mereka menukar fikiran dan mahu terus berpegang kepada pakej 1511 walaupun pilihan lain lebih baik," kata beliau.

Kumpulan Jaringers menyifatkan pendaftaran bagi pakej 1511 sebagai tidak fleksibel kerana menawarkan kadar bayaran berasaskan 25 atau 50 jam dan mereka lebih suka membayar bila menggunakannya dengan kadar satu sen seminit.

Pada 15 Mei, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie mengumumkan dua pakej alternatif bagi pengguna Internet berserta dengan kajian semula tarif keseluruhan bayaran bagi telefon.

Pengguna-pengguna Internet yang berdaftar boleh memilih pakej pertama RM15 untuk menggunakan Internet selama 25 jam sebulan atau pakej kedua sebanyak 50 jam dengan kadar bayaran RM30 sebulan.

Bagi mereka yang memilih pakej pertama, sekiranya menggunakan Internet lebih dari 25 jam kadar bayaran tiga sen seminit akan dikenakan.

Pelanggan yang tidak berdaftar akan dikenakan bayaran sebanyak RM45 untuk pakej pertama dan RM90 sekiranya mereka menggunakan Internet lebih 50 jam.

Sekiranya kesemua 25 jam atau 50 jam itu tidak digunakan, mereka masih perlu membayar untuk pakej keseluruhannya dan tidak boleh membawa ke depan masa yang tidak digunakan itu. -- BERNAMA

HS WAT PR